

30 SEP 2002

Musa-Pemerhati/I

MUSA HITAM KETUAI KUMPULAN PEMERHATI PILIHAN RAYA PAKISTAN

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 30 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam mengetuai sekumpulan 22 pemerhati Komanwel untuk meninjau perjalanan pilihan raya Pakistan yang akan berlangsung dari 10 Okt.

Musa yang mengadakan mesyuarat di Dubai pada Sabtu bersama anggota-anggota pemerhati itu yang dipilih dari 18 negara berkata, kumpulan itu dibentuk oleh Sekretariat Komanwel di London mengikut permintaan kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya Pakistan.

Kumpulan itu bertanggungjawab "menentukan mengikut budibiacranya sendiri sama ada wujud persekitaran yang membolehkan pemilihan bebas dan sama ada keputusan pilihan raya itu membayangkan hasrat rakyat Pakistan", kata beliau kepada Bernama sebelum berlepas ke Pakistan.

"Kita akan memerhati perjalanan kempen pilihan raya dan pengundian," kata beliau.

Seorang lagi dari Malaysia yang menganggotai kumpulan itu ialah Mohamed Mokhtar Ahmad, ketua pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Pulau Pinang.

"Kumpulan pemerhati itu akan bertindak secara berkecuali dan bebas memandangkan anggota-anggotanya dipilih atas kapasiti individu dan bukan sebagai wakil-wakil kerajaan kita," kata Musa.

Beliau berkata peranan kumpulan itu ialah bagi "memerhati dan bukan menyelia" pilihan raya itu.

"Kita ke Pakistan dengan fikiran terbuka dan akan cuba bertemu seramai mungkin orang dan kumpulan" dalam melaksanakan tanggungjawab kami, katanya.

Musa berkata ia adalah satu penghormatan bagi beliau untuk mengetuai kumpulan itu kerana "Pakistan merupakan sebuah anggota penting masyarakat antarabangsa dan mempunyai hubungan baik dengan Malaysia."

Ini merupakan kali kedua Musa mengetuai kumpulan pemerhati Komanwel.

Musa juga merupakan wakil peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kumpulan Tindakan Menteri-menteri Komanwel.

-- BERNAMA

SK AHH PR